

04/01/2000

Ekonomi negara pada alaf baru menceriakan

Kadir Dikoh

EKONOMI negara yang dibelunggu kemelut kegawatan selama hampir dua tahun sudah berlalu. Mulai suku ketiga 1999, kemelesetan ekonomi negara secara rasminya sudah berakhir. Pada awal alaf baru ini rakyat boleh menarik nafas lega menikmati keceriaan semula ekonomi meskipun tahap pemulihannya belum pulih sepenuhnya seperti keadaan sebelum kegawatan pada Julai 1997.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar sudah mencatat satu lonjakan dengan pertumbuhan 8.1 peratus pada suku ketiga 1999 berbanding 4.1 peratus pada suku kedua selepas mengalami penguncupan bagi lima suku tahunan berturut-turut sejak suku pertama 1998.

Bagi sepanjang 1999, KDNK benar dianggarkan meningkat 4.3 peratus berbanding penguncupan 7.5 peratus pada 1998. Pencapaian yang memberangsangkan ini didorong terutama oleh peningkatan pengeluaran sektor perkilangan yang amat pesat sebanyak 19.5 peratus dan eksport negara sebanyak 21.6 peratus dalam dolar Amerika pada suku ketiga 1999.

Kedudukan rizab negara pula sudah menunjukkan prestasi yang amat mengalakkan dengan pencapaian AS\$30.2 bilion (RM114.76 bilion) pada akhir November 1999, iaitu mampu untuk membiayai import tertanggung selama 6.1 bulan.

Pemulihan ekonomi negara ini dicapai kerana pendekatan yang diambil kerajaan membebaskan Malaysia daripada belunggu dasar ekonomi ortodok Barat. Pendekatan ini memang bertentangan dengan dasar yang diguna pakai oleh Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang disokong oleh kerajaan Barat, terutama Amerika Syarikat.

IMF melihat krisis ekonomi di rantau Asia sebagai satu kegawatan yang serupa dengan apa yang dialami oleh Amerika Latin ketika krisis Tequila yang bermula di Mexico. Justeru, cadangan mereka dalam menangani pemulihan ekonomi di Asia tidak mengambil berat keadaan setempat. Dasar yang dilaksanakan, membelunggu ekonomi kerana dasar fiskal dan kewangan yang disekat.

Setelah mengikut pendekatan orthodox ini pada peringkat awal kegawatan, kerajaan membuat keputusan mengikut cara tersendiri, iaitu dengan melonggarkan dasar fiskal dan dasar kewangan yang juga melindungi ekonomi daripada serangan spekulator mata wang asing dengan memperkenalkan kawalan modal secara berpilih.

Pendekatan ini memang dikritik oleh penyokong teori ekonomi neoklasikal atau Washington consensus. Tetapi setelah ekonomi dipulihkan, Malaysia kini disanjung kerana membuat pilihan yang terbaik demi kepentingannya sendiri.

Dengan pelaksanaan langkah pemulihan ini, negara keluar daripada perangkap kitaran kemelesetan yang berpanjangan. Justeru, Belanjawan 2000 adalah satu cadangan mikroekonomi yang bukan saja meneruskan matlamat pemulihan, malah mencergaskan pertumbuhan ekonomi kepada tahap selaras dengan potensi pertumbuhan ekonomi negara.

Langkah yang diambil melalui Belanjawan 2000 terus mengutamakan pembangunan saksama supaya kejayaan ekonomi negara memberi manfaat kepada semua golongan rakyat. Selain itu, dasar kerajaan akan terus memperkukuhkan lagi daya saing negara. Ini amat penting kerana cabaran ekonomi negara pada masa depan ialah persaingan dari negara lain.

Proses globalisasi menghapuskan sekatan perdagangan yang sehingga ini melindungi industri tempatan. Kerajaan dijangka memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan daya saing ekonomi negara melalui pembangunan sumber

manusia dan juga membesarkan sektor perkhidmatan serta industri teknologi tinggi. Sektor tradisi seperti pertanian juga dijangka diperkukuhkan lagi supaya memberi hasil yang meningkat kepada ekonomi negara.

Peningkatan daya saing ekonomi negara harus diwujudkan dengan langkah memperkuat daya tahan negara terhadap risiko luaran melalui kawalan modal secara terpilih.

Tanpa kawalan modal, kegawatan ekonomi mungkin bertambah parah dan mencetuskan kecelaruan sosial yang sukar dibendung seperti yang berlaku di negara lain. Dasar yang diambil Malaysia dalam menangani masalah ekonomi dalam negara membolehkannya mengurangkan kenaikan kadar faedah yang menjerat ramai peniaga sebelum ini. Dunia kini mengakui keberkesanan dasar kawalan modal.

Perlindungan ekonomi yang diberi oleh dasar kawalan modal terpilih sudah memberi peluang kepada kerajaan untuk melaksanakan cadangan meneguhkan institusi kewangan negara. Umpamanya, kerajaan mengalakkan strategi untuk memperkukuhkan sistem perbankan melalui penyusunan semula bank.

Bank Negara baru-baru ini memberi kelonggaran kepada institusi perbankan tempatan untuk memilih bank teras dan rakan kongsi masing-masing. Ada 55 institusi perbankan di negara ini dengan 20 daripadanya adalah bank komersil, 23 syarikat kewangan dan 12 bank perdagangan.

Sebelum itu, bank pusat mengenal pasti enam kumpulan perbankan untuk dijadikan bank teras di bawah rancangan penggabungan tetapi beberapa pihak melahirkan rasa tidak puas hati.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini dilaporkan mempertahankan langkah untuk memperlahankan pelan penggabungan yang agresif dengan menegaskan, institusi kewangan memerlukan masa untuk penyatuan dan mungkin tidak dapat memenuhi sasaran 1 April depan bagi entiti gabungan memulakan operasi.

Dr Mahathir berkata, beliau menjangka penggabungan itu yang akan mengubah senario lanskap kewangan Malaysia, untuk menjadi kenyataan menjelang akhir 2000.

Bank Negara, sudah menerima antara lima hingga enam permohonan bagi cadangan penggabungan daripada institusi perbankan setakat ini. Antara institusi perbankan yang sudah menghantar permohonan mereka termasuk RHB Bank Bhd (RHB Bank), Arab-Malaysian Bank Bhd (AMB), Hong Leong Bank Bhd (Hong Leong Bank) dan EON Bank Bhd (EON). Bank pusat dijangka menerima lebih banyak permohonan rancangan penggabungan baru sebelum tempoh yang ditetapkan tamat pada 31 Januari ini.

Selain itu, kira-kira 15 kumpulan insurans dijangka diwujudkan mengikut program penggabungan institusi berkenaan dalam usaha menjadikan industri insurans tempatan lebih berdaya saing. Sektor insurans tempatan yang kini mempunyai 58 syarikat insurans turut terbabit dalam program penggabungan dan pengambilalihan (merger and acquisition) sebagai menyahut saranan kerajaan bagi mengukuhkan industri itu.

Selain itu, satu pelan induk untuk membangunkan pasaran modal tempatan sedang disediakan supaya ekonomi negara tidak terlalu bergantung kepada pinjaman luar negara pada masa depan.

Bagaimanapun, peranan kerajaan dalam usaha pembangunan masih terus diperlukan. Buat masa ini kegiatan pelaburan sektor swasta belum cergas lagi kerana masih menghadapi kapasiti pengeluaran yang berlebihan.

Ini bermakna, sektor swasta tidak mampu menjana pertumbuhan ekonomi negara. Justeru, sektor awam mesti mengambil daya usaha menerajui usaha pembangunan ke arah merencanakan pertumbuhan ekonomi negara dengan tujuan memberangsangkan sektor swasta memainkan peranan sebagai jentera pembangunan.

Oleh itu, defisit belanjawan, difahamkan segera diputuskan pada tahap lima peratus KDNK untuk mengelak kesan himpitan terhadap sektor swasta.

Strategi yang dirangka kerajaan dijangka meningkatkan lagi keyakinan pengguna dan sentimen pelabur yang merupakan kuasa yang dapat menjanakan pertumbuhan ekonomi.

Sejajar dengan usaha itu, kerajaan negeri patut turut berusaha menyediakan persekitaran yang dapat membantu dan mengalakkan pelaksanaan kegiatan ekonomi sektor swasta melalui penyediaan kemudahan prasarana dan mengurangkan karenah birokrasi pentadbiran serta kos pengendalian perniagaan.

(END)